

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID  
[KAPAR]**

**TARIKH : 10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [ KAPAR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ada jaminan skim pencen bagi perkhidmatan awam akan terus kekal.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim pencen bagi anggota perkhidmatan awam yang telah sah dalam perkhidmatan dan mendapat taraf berpencen akan terus kekal menerima faedah dan kemudahan Skim Pencen di bawah Akta Pencen 1980 (Akta 227) dan Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239). Perkara 147, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan perlindungan hak pencen ke atas anggota perkhidmatan awam semasa.